# PANDANGAN PEGUAM SYARIE TENTANG PEMELIHARAAN HAK WANITA DALAM PEMBUBARAN PERKAHWINAN MELALUI FASAKH DI NEGERI SELANGOR

NORATIQAH BINTI MOHD SABRI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# PANDANGAN PEGUAM SYARIE TENTANG PEMELIHARAAN HAK WANITA DALAM PEMBUBARAN PERKAHWINAN MELALUI FASAKH DI NEGERI SELANGOR

NORATIQAH BINTI MOHD SABRI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2017

# DEDIKASI

*Ya Allah*

*"Pengalamanku sepanjang menghabiskan master ini begitu banyak menguji keimananku pada-Mu. Satu sahaja yang aku pasti, hanya Engkau di sisi, tatkala semua tidak memahami diriku. Perkara yang paling membahagiakanku adalah keyakinan yang tidak pernah putus bahawa Engkau benar-benar menyayangi diriku. Aku dengan serendah hatinya berharap agar kajian ini mampu memberikanku rahmat-Mu walau secebis cuma. Berkatilah aku dunia dan akhirat. Terima kasih Ya Allah."*

*Ya Rasulullah*

*Kasih sayangmu pada ummat memberikanku kekuatan ketika diri ini tersungkur berulang-ulang kali. Kerinduanku padamu tidak dapat dibandingkan dengan semua makhluk di dunia ini. Perasaan yang cukup indah dan istimewa. Jujurnya, aku malu untuk mempersembahkan kajian ini kepada dirimu, tetapi aku masih mencuba dan berharap agar engkau berbangga denganku di Syurga nanti. Syafaatkan daku Ya Rasulullah.*

*Ummi dan Abah tersayang*

*Faridah binti Hasan dan Mohd Sabri bin Yusof*

*Ibu bapa terbaik di dunia. Tiada ruang bagi diriku untuk mengadili mereka. Semoga Allah memberikan rahmat dan kasih sayang-Nya kepada mereka dunia dan akhirat.*

*Keluarga yang dikasihi*

*Kak Long, Abang Long, Kak Wan, Abang Nik, Kakak, Abang Jid dan Adik*

*Kalian adalah hadiah dari Allah untuk diriku.*

*Penyelia yang sangat dikagumi*

*Prof Madya Dr Arieff Salleh bin Rosman*

*Yang tidak pernah putus memberi harapan, semangat dan tunjuk ajar. Hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.*

*Dan semua*

*Saudara seaqidahku*

*Moga kajian ini bermanfaat buat dirimu dan seluruh ummah, khususnya kepada insan yang bergelar wanita.*

# PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga dan para sahabat baginda. Segala puji bagi Allah atas segala kesempatan dan peluang yang diberikan bagi menyiapkan kajian penyelidikan ijazah sarjana ini. Tiada ungkapan yang boleh dirungkaikan atas segala nikmat yang diberikan.

Tidak lupa juga buat ummi dan abah, yang sentiasa mendoakan kejayaanku dunia akhirat, dan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan *jazakallahu khairan kathira* kepada Prof. Madya Dr. Arieff Salleh bin Rosman selaku Penyelia, yang telah memberi segala tunjuk ajar, bimbingan, harapan dan kepercayaan kepada saya selama ini.

Akhir sekali, saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Mohd Fauzi bin Abu @ Hussin kerana banyak membantu dan memberi sokongan dalam kajian ini, semua responden yang terlibat, sahabat-sahabat seperjuangan Fazlulaini Yunus dan Nazirah Hamdan, serta mana-mana pihak yang begitu banyak menolong dalam menyiapkan kajian ini sama ada secara langsung atau pun tidak langsung. Semoga Allah memberkati dan merahmati kita semua. InsyaAllah.

# ABSTRAK

Pemerkasaan wanita telah mula berkembang luas dan menghasilkan banyak kejayaan di Malaysia. Memandangkan isu perceraian semakin meningkat, maka usaha pemeliharaan hak wanita perlu diberi perhatian, khususnya dalam perceraian secara fasakh. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pandangan peguam syarie tentang konsep pembubaran perkahwinan secara fasakh menurut perundangan Islam, konsep pembubaran perkahwinan secara fasakh menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, dan pemeliharaan hak wanita dalam pembubaran perkahwinan secara fasakh menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif, dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Pengumpulan data pula adalah dengan menggunakan analisis dokumen dan kaedah temu bual. Seramai tujuh orang responden yang terdiri daripada peguam syarie telah ditemu bual dengan kaedah temu bual separa struktur. Dapatan kajian ini kemudiannya dianalisis secara analisis kandungan bagi analisis dokumen dan pengekodan data bagi kaedah temubual melalui penggunaan perisian NVivo 11.0. Hasil dapatan kajian menunjukkan sebanyak 11 faktor pembubaran perkahwinan secara fasakh menurut perundangan Islam, manakala 28 faktor yang mempengaruhi tuntutan fasakh di mahkamah. Sementara itu, kajian ini mendapati bahawa pemeliharaan hak wanita dalam pembubaran perkahwinan secara fasakh meliputi 10 aspek di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Berdasarkan kepada dapatan ini, kajian ini mengemukakan garis panduan pemudah cara dalam pelaksanaan pembubaran perkahwinan secara fasakh yang boleh diamalkan dalam perundangan keluarga Islam di Malaysia.

# ABSTRACT

Women's right in Malaysia has been widely empowered and it resulted a significant success. It comes with an increasing number of divorce cases that need serious attention in order to assure women's right, especially the divorce through *fasakh*. This research endeavours to study the views of syarie prosecutor on the concept of dissolution of marriage through *fasakh* from Islamic jurisprudence perspective, the concept of dissolution of marriage through *fasakh* from Islamic Family Law (State Of Selangor) Enactment 2003 perspective, and the right of women in dissolution of marriage through *fasakh* in the Islamic Family Law (State Of Selangor) Enactment 2003. This research employed a qualitative research methodology by utilising case study research design. The data collection was carried out by using document analysis and interview. Seven respondents among the syarie prosecutor were purposely selected to be interviewed using semi-structured interviews. Data gathered were then analysed by using content analysis for document analysis and data coding from interview was analysed using NVivo software version 11. Findings discovered that there are eleven factors for dissolution of marriage through *fasakh* according to the Islamic jurisprudence, and there were 28 factors that influence the submission of *fasakh* cases to syariah court. Meanwhile, this research concludes that women's right after dissolution of marriage through *fasakh* covers ten aspects in the Islamic Family Law (State Of Selangor) Enactment 2003. Based on the findings, this research proposes a guideline in facilitating the implementation of dissolution of marriage through *fasakh* to the Islamic family law in Malaysia.

# ISI KANDUNGAN


| BAB | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| | **PENGAKUAN** | ii |
| | **DEDIKASI** | iii |
| | **PENGHARGAAN** | iv |
| | **ABSTRAK** | v |
| | **ABSTRACT** | vi |
| | **ISI KANDUNGAN** | vii |
| | **SENARAI JADUAL** | xi |
| | **SENARAI RAJAH** | xiii |
| | **SENARAI KES** | xiv |
| | **SENARAI LAMPIRAN** | xv |
| **1** | **PENGENALAN** | **1** |
| | 1.1 Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 2 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 13 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 14 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 15 |
| | 1.6 Kerangka Teori Kajian | 15 |
| | 1.7 Kepentingan Kajian | 21 |
| | 1.8 Batasan Kajian | 25 |
| | 1.9 Definisi Konseptual / Operasional Kajian | 25 |
| | 1.9.1 Peguam Syarie | 26 |
| | 1.9.2 Hak | 26 |
| | 1.9.3 Wanita | 26 |
| | 1.9.4 Pembubaran Perkahwinan | 27 |
| | 1.9.5 Fasakh | 27 |
| | 1.10 Kesimpulan | 28 |

| | | |
|---|---|---|
| **2** | **SOROTAN KAJIAN** | **29** |
| | 2.1 Pendahuluan | 29 |
| | 2.2 Konsep Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh Menurut Perundangan Islam | 29 |
| | 2.2.1 Dasar Hukum Perceraian | 29 |
| | 2.2.2 Definisi Fasakh | 33 |
| | 2.2.3 Perbahasan Ulama' Berkaitan Fasakh | 34 |
| | 2.3 Konsep Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 | 41 |
| | 2.3.1 Undang-undang Keluarga di Malaysia | 41 |
| | 2.3.2 Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia | 41 |
| | 2.3.3 Undang-undang Berkaitan Tuntutan Fasakh | 42 |
| | 2.4 Konsep Pemeliharaan Hak Wanita Berkaitan Pembubaran Perkahwinan Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 | 45 |
| | 2.4.1 Definisi Gender | 45 |
| | 2.4.2 Penggunaan Istilah Wanita dalam al-Quran | 48 |
| | 2.4.3 Konsep Pemeliharaan Hak Wanita Menurut Perundangan Islam | 48 |
| | 2.4.4 Kedudukan Wanita Dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia | 56 |
| | 2.4.5 Hak Wanita dalam Kekeluargaan | 57 |
| | 2.5 Kajian Lepas | 63 |
| | 2.6 Kesimpulan | 66 |
| **3** | **METODOLOGI KAJIAN** | **67** |
| | 3.1 Pendahuluan | 67 |
| | 3.2 Penyelidikan Kualitatif | 67 |
| | 3.3 Reka Bentuk Kajian | 69 |
| | 3.4 Persampelan, Sampel, dan Saiz Sampel | 71 |
| | 3.5 Pengumpulan Data | 75 |
| | 3.5.1 Analisis Dokumen | 75 |

| | | |
|---|---|---|
| | 3.5.2 Temu bual | 76 |
| | 3.6 Analisis Data | 81 |
| | 3.6.1 Analisis Kandungan | 82 |
| | 3.6.2 Pengekodan Data | 84 |
| | 3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan | 87 |
| | 3.7.1 Kesahan | 87 |
| | 3.7.2 Kebolehpercayaan | 90 |
| | 3.7.3 Triangulasi Data | 92 |
| | 3.8 Etika dalam Penyelidikan | 93 |
| | 3.9 Limitasi Kajian | 94 |
| | 3.10 Kesimpulan | 95 |
| **4** | **DAPATAN KAJIAN** | **96** |
| | 4.1 Pendahuluan | 96 |
| | 4.2 Latar Belakang Responden Kajian | 96 |
| | 4.3 Konsep Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh Menurut Perundangan Islam | 98 |
| | 4.4 Konsep Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 | 100 |
| | 4.5 Pemeliharaan Hak Wanita dalam Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 | 107 |
| | 4.6 Kesimpulan | 110 |
| **5** | **RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN** | **111** |
| | 5.1 Pendahuluan | 111 |
| | 5.2 Rumusan Kajian | 111 |
| | 5.3 Perbincangan Dapatan Kajian | 113 |
| | 5.3.1 Latar Belakang Responden Kajian | 113 |
| | 5.3.2 Pandangan Peguam Syarie Tentang Konsep Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh Menurut Perundangan Islam | 113 |
| | 5.3.3 Pandangan Peguam Syarie Tentang Konsep Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 | 115 |
| | 5.3.4 Pandangan Peguam Syarie Tentang Pemeliharaan Hak Wanita dalam | 121 |

Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh Menurut Enakmen Undang undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

5.4 Implikasi Kajian 122
5.5 Cadangan Berasaskan Hasil Kajian 123
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan 126
5.7 Kesimpulan 126

**BIBLIOGRAFI** **114**
**LAMPIRAN** **139**

## SENARAI JADUAL


| NO.JADUAL | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| 1.1 | Statistik Kes-kes Keganasan Rumahtangga bagi Tahun 2012-2013 | 6 |
| 1.2 | Statistik Kes Permohonan Perceraian Seluruh Negara bagi Tahun 2010 - Mei 2014 (JKSM) | 8 |
| 1.3 | Statistik Kes Tuntutan Fasakh Seluruh Negara bagi Tahun 2010 - Mei 2014 (JKSM) | 9 |
| 1.4 | Statistik Kes Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai Seluruh Negara bagi Tahun 2010 – Mei 2014 (JKSM) | 10 |
| 3.1 | Proses Menganalisis Data Kualitatif | 86 |
| 4.1 | Latar Belakang Responden Kajian | 97 |
| 4.2 | Faktor Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh (Perundangan Islam) | 98 |
| 4.3 | Perundangan Islam | 98 |
| 4.4 | Prosedur Fasakh (Perundangan Islam) | 99 |
| 4.5 | Faktor Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh (Enakmen) | 100 |
| 4.6 | Enakmen | 100 |
| 4.7 | Hak Isteri yang Berkaitan dengan Perceraian Fasakh | 102 |
| 4.8 | Hak Suami dalam Perceraian Fasakh | 102 |
| 4.9 | Undang-Undang Berkaitan Fasakh | 103 |
| 4.10 | Prosedur Fasakh (Enakmen) | 103 |
| 4.11 | Isu-Isu yang Berkaitan Selepas Perceraian Fasakh | 104 |
| 4.12 | Faktor yang Mempengaruhi Tuntutan Fasakh Berdasarkan Enakmen | 105 |

| | | |
|---|---|---|
| 4.13 | Pemeliharaan Hak Wanita dalam Pelaksanaan Hukum Fasakh | 108 |
| 4.13 | Persamaan Hak | 108 |
| 4.14 | Pemudah Cara dalam Pelaksanaan Fasakh | 109 |

# SENARAI RAJAH


| NO.RAJAH | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka Konsep Kajian | 19 |
| 3.1 | Prosedur Persampelan | 74 |
| 5.1 | Peta Konsep Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh Menurut Perundangan Islam | 114 |
| 5.2 | Peta Konsep Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 | 116 |
| 5.3 | Faktor Pembubaran Perkahwinan (Enakmen) | 117 |
| 5.4 | Hak Isteri Berkaitan Fasakh | 118 |
| 5.5 | Hak Suami Berkaitan Fasakh | 119 |
| 5.6 | Isu-isu Berkaitan Selepas Perceraian Fasakh | 119 |
| 5.7 | Faktor yang Mempengaruhi Tuntutan Fasakh | 120 |
| 5.8 | Peta Konsep Pemeliharaan Hak Wanita dalam Pelaksanaan Hukum Fasakh | 123 |
| 5.9 | Garis Panduan Pemudah Cara dalam Pelaksanaan Fasakh | 125 |

# SENARAI KES


| TAJUK | HALAMAN |
|---|---|
| 1. Hasnah binti Omar lwn Zaaba bin Mohamad Amin, 25 Januari 1995. (Jurnal Hukum, 1995) | 115 |
| 2. Rasnah binti Ariffin *lwn.* Shafri bin Khalid, 12 Disember 2000 (Jurnal Hukum, 2000). | 117 |
| 3. Rafiah *lwn.* Hassan, September 1988 (Jurnal Hukum, 1988) | 43 & 117 |
| 4. Habsah *lwn.* Ahmad bin Hamid, Ogos 1989 (Jurnal Hukum, 1989) | 117 |
| 5. Rosnani bt Hassan Abdullah *lwn.* San Ahmed b. Abu Zarin, 1990 (Jurnal Hukum, 1990) | 117 |
| 6. Abdul Aziz lwn. Che Pah (1972) 2JH 113 | 44 |
| 7. Tengku Anun Zaharah lwn. Dato' Dr. Hussein (1980) 3JH 125 | 120 |

# SENARAI LAMPIRAN


| TAJUK | HALAMAN |
|---|---|
| 1. Persetujuan Pakar Terhadap Kandungan Instrumen Konstruk Inventori Temubual | 139 |
| 2. Inventori Protokol Temubual Responden Kajian | 149 |
| 3. Soalan Temubual Separa Struktur | 158 |
| 4. Surat Pelawaan Responden di Temu Bual | 161 |
| 5. Persetujuan Responden di Temu Bual | 162 |
| 6. Nota Lapangan | 163 |
| 7. Surat Pengesahan Pelajar | 164 |

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan

Wanita merupakan sumber dan rahsia kekuatan spiritual serta percaya diri seorang lelaki (Abdurrahman Umairah, 2000). Menurut Jajat Burhanudin (2002), wanita adalah tonggak bangsa dan negara, serta berperanan penting dalam mendidik generasi mengikut karakternya yang tersendiri. Bukan sahaja mampu membangunkan modal insan, bahkan juga menjadi penggerak kepada kemajuan dalam sesebuah masyarakat.

Pada zaman Jahiliyah, kedudukan wanita tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya, malah al-Quran telah membuktikan bahawa mentaliti masyarakat Jahiliyah pada ketika itu, membolehkan sesebuah keluarga yang mempunyai anak perempuan membunuh dan menanam anak mereka hidup-hidup, atas sebab mampu mengundang kesialan kepada sesebuah keluarga. Wanita langsung tidak diberi layanan istimewa, bahkan keberadaan mereka hanyalah untuk melahirkan zuriat lelaki bagi keluarga mereka (Yusuf al-Qardhawi, 2002).

Kemudiannya, Islam datang lalu mengangkat martabat wanita setinggi-tingginya. Darjat dan kedudukan wanita dalam Islam berkaitan usaha mencapai darjat tertinggi dalam agama tidak ada bezanya dengan golongan lelaki, demikian juga urusan pahala dan keampunan daripada Allah SWT (Putri Maisarah, 2012).

Pemerkasaan wanita dari segenap aspek, telah wujud sekian lama, dan Malaysia tidak terkecuali dalam hal ini. Undang-undang digubal untuk menjamin kesejahteraan individu dan masyarakat serta mengiktiraf dan melindungi hak setiap insan, sebagai contoh adanya Perlembagaan, Akta, Warta, Enakmen, Ordinan, dan Polisi. Setiap undang-undang yang diperuntukkan mempunyai bidang kuasanya yang tersendiri. Di setiap negeri telah digubal Akta dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam oleh pihak berkuasa agama berkaitan dengan kekeluargaan Islam (Utusan Online, 7 Januari 2007).

Berikutan kes perceraian semakin berleluasa, Undang-undang Keluarga Islam dilihat tidak lagi menjaga hak wanita, malah wujudnya unsur diskriminasi atau *bias gender* terhadap kaum wanita, khususnya berkaitan isu perceraian fasakh (Laman Web Rasmi Sisters in Islam, 2001). Perkara ini disokong oleh artikel jurnal MUWAZAH, Vol. 7, No. 2 (2015) yang bertajuk *Budaya Hukum Bias Gender Hakim Pengadilan Agama dalam Perkara Cerai Talak*, yang ditulis oleh Ahmad Jalaluddin, yang menyatakan bahawa sikap bias gender ini berlaku dalam perbicaraan, mediasi, pembuktian, dan juga keputusan perbicaraan. Oleh yang demikian, menjadi satu keperluan untuk melakukan satu kajian berkaitan dengan hubungan konsep pemeliharaan hak wanita melalui pelaksanaan hukum fasakh di Mahkamah Syariah menurut perspektif peguam-peguam syar'ie di Malaysia, khususnya di Negeri Selangor.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Islam memelihara hak-hak asasi manusia, tanpa membezakan agama, bangsa, bahasa dan budaya. Dalam masa yang sama, Islam mengajarkan akhlak mulia, persamaan dan keadilan. Tidak terkecuali antara lelaki dan wanita. Islam juga mendahului Barat dalam membicarakan hak kebebasan dan hak asasi manusia (Lathifah, 2005). Kedudukan wanita dalam agama Islam juga sangat terjaga dan terpelihara. Tetapi, sejak akhir-akhir ini, media cetak dan elektronik membuktikan bahawa golongan wanita adalah tertindas dan dizalimi.

### 1.2.1 Salah Faham Terhadap Hak Asasi dan Bias Gender

Kajian ilmiah yang dijalankan oleh Mohd Anuar Ramli dalam Jurnal Fiqh, No. 7 (2010) 49-70 yang bertajuk *Bias Gender dalam Masyarakat Muslim: Antara Ajaran Islam dengan Tradisi Tempatan*, merekodkan mengenai golongan wanita adalah golongan yang tertindas dalam masyarakat, dan ia terjadi dalam majoriti agama. Kaum wanita hanya menjadi pemuas nafsu lelaki, tidak dihormati dan dipinggirkan atas dasar tradisi dan adat. Perubahan sosial dan budaya juga mempengaruhi permasalahan gender (Titik Putraningsih, t.t).

Dalam penulisan Jurnal Fiqh, No. 9 (2012) 137-162, yang bertajuk *Analisis Gender dalam Hukum Islam,* yang juga ditulis oleh Mohd Anuar Ramli, menyatakan bahawa telah berlaku salah faham dalam bias gender yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW, iaitu yang berkaitan dengan tradisi masyarakat patriarki yang mengutamakan kaum lelaki dalam struktur dan stratifikasi sosial. Maka dalam keadaan yang demikian, ia menggambarkan diskriminasi terhadap wanita, keciciran dan wujudnya kekerasan. Ianya juga dilihat berlakunya ketidakadilan dalam kitab-kitab dan buku-buku ajaran Islam seperti dalam hukum fiqh, tafsir dan tasawuf.

Muhammad Ariffin (2012) dalam tulisannya yang bertajuk *Gerakan Feminisme, Persamaan Gender, dan Pemahaman Agama (Bahagian 1)*, ada menyebut, golongan feminisme menuntut hak asasi yang sama dengan kaum lelaki, ianya berkonsepkan persamaan gender dalam sosial, budaya, agama dan hukum. Di samping itu, melalui Jurnal al-Ulum, Vol. 13 No.2 (2013) 491-512 yang bertajuk *Wacana Kesetaraan Gender: Pemikiran Islam Kontemporer tentang Gerakan Feminisme Islam* yang ditulis oleh Andik Wahyun Muqoyyidin, mengatakan bahawa fakta sebahagian besar dunia yang juga merangkumi negara-negara Muslim telah membuktikan keterasingan terhadap wanita secara umumnya. Tidak ada kesetaraan dalam bidang sosial, politik, ekonomi dan hukum di antara golongan lelaki dan wanita. Begitu juga dalam soal harta, permusafiran, dan pendidikan.

Di Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), yang pada ketika itu mantan Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi menjadi penaung kepada penubuhan Sekretariat Pembelaan dan Pemerkasaan Wanita Islam (SENADA) pada 10 Jun 2008, yang dipertanggungjawabkan di bawah Penasihat Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial kepada YAB Perdana Menteri. Ianya bertujuan untuk mengumpul isu-isu berkaitan wanita Islam melalui tiga topik, iaitu undang-undang, agama dan kebajikan, bagi mencari pelan tindakan yang sesuai berkenaan dengan isu yang dikumpul (Laman Web Rasmi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2013). Agenda ini perlu dikaji dan dilihat semula keberkesanannya dalam memperkasakan golongan wanita, khususnya berkaitan dengan perceraian fasakh.

### 1.2.2 Ketidakadilan dalam Isu Keganasan Rumah Tangga, Perceraian dan Mahkamah Syariah

Dalam kajian ini, penyelidik hanya memfokuskan kepada ketidakadilan yang berlaku dalam kalangan wanita sahaja, kerana ianya adalah fokus kajian ini, iaitu bagi melihat hubungan pemeliharaan hak wanita melalui pelaksanaan hukum fasakh. Ia bukanlah bertujuan untuk memberikan kenyataan yang berat sebelah kepada pihak sebelah suami ataupun lelaki. Data utama adalah melalui temubual peguam-peguam syarie di Negeri Selangor sahaja. Sumber-sumber berita melaporkan terdapat lambakan kes dan isu-isu keganasan rumah tangga yang berlaku di Malaysia. Fakta-fakta yang diperoleh cukup membimbangkan. Kegagalan institusi kekeluargaan mampu memberikan kesan negatif dalam masyarakat. Sebagai contoh, seorang bapa mengaku bersalah menyimbah cuka getah kepada kedua-dua anaknya, yang masing-masing berumur 13 dan 10 tahun. Tertuduh sebelum ini juga pernah dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan lima kali sebatan, juga atas kesalahan yang sama. Bagaimanapun, hukuman diperintahkan berjalan secara serentak (Mstar, 1 Disember 2010).

Satu kes lagi yang membuktikan kelemahan institusi kekeluargaan pada hari ini, iaitu kes yang berlaku di Hulu Terengganu, seorang anak yang hanya berusia 20-an menumbuk ibunya hanya kerana perselisihan faham berkenaan dengan saluran televisyen. Remaja berkenaan merupakan seorang penagih dadah (Sinar Harian, 5 Mac 2013). Kedua-dua kes tersebut merupakan gambaran umum berkaitan dengan kegagalan institusi kekeluargaan yang berlaku di Malaysia.

Seterusnya, skop yang lebih kecil adalah mengenai kes-kes yang berlaku dalam lingkungan suami dan isteri. Contohnya, kes yang berlaku di Kuala Lumpur, terdapat satu kes berkenaan dengan seorang suami yang memaksa isterinya melacur semata-mata untuk membayar ansuran bulanan kereta. Perkara itu telah berlaku selama setahun, dan isterinya telah dipaksa melayan lebih daripada 10 orang lelaki dalam tempoh masa tersebut. Laporan polis telah dilakukan berikutan wanita berkenaan berjaya meloloskan diri (Mohd Firdaus dan Raja Noraina, 2011). Ada satu kes lain, yang berkaitan dengan pencabulan hak seorang suami ke atas isteri, yang pernah *viral* di *Youtub*e suatu ketika dahulu, mengenai kes pukul isteri dalam lif. Rakaman video tersebut memaparkan seorang lelaki memukul seorang wanita yang merupakan isterinya secara bertubi-tubi, dan telah menerajang isterinya di hadapan dua orang anak mereka (Mohd Iskandar Othman, 2013).

Selain itu, kejadian di Seremban, seorang penganggur dijatuhkan hukuman penjara selama lapan tahun dan tiga sebatan selepas mengaku bersalah kerana telah mengelar muka dan tubuh isterinya dengan pisau (Meor Riduwan, 2014). Dalam kes lain, yang berlaku di Kuala Lumpur, berikutan cemburu buta, seorang suami sanggup menyimbah air panas ke atas isterinya setelah memukul hingga terjatuh dan memijak kepala mangsa berulang kali. Bukan itu sahaja, lelaki tersebut mengambil wang isterinya dalam anggaran sebanyak RM 1,400 sebelum melafazkan cerai dengan sebab pertuduhan curang ke atas dirinya (MyMetro, 27 September 2014). Kes-kes keganasan rumah tangga berterusan berlaku dalam masyarakat, ekoran daripada kejahilan dan kemiskinan moral.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia dalam MStar Online yang bertarikh 7 Oktober 2014, mendapati bahawa kes keganasan rumah

tangga mengalami peningkatan sebanyak 1,259 kes kepada 4,123 kes dalam masa setahun, iaitu bagi tahun 2012 hingga 2013. Negeri Johor, Selangor dan Negeri Sembilan ketiga-tiganya merekodkan jumlah kes yang paling tinggi. Sebanyak 13 negeri mengalami peningkatan kes, dengan mendapati bahawa Johor mengalami peningkatan lebih sekali ganda kepada 583 kes pada tahun 2013 berbanding hanya 264 kes sahaja pada tahun 2012. Negeri Selangor adalah kedua tertinggi, yang mencatatkan peningkatan sebanyak 144 kes. Tetapi Pahang mengalami penurunan kes iaitu daripada 183 kes pada tahun 2012 kepada 165 kes sahaja pada tahun 2013. Punca-punca kes keganasan rumah tangga menurut Asisten Komisioner Hamidah Yunuh, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Penderaan dan Kanak-Kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah, adalah kerana gagal mengawal emosi, faktor kewangan, mabuk, dadah, curang, selisih faham, anak, ugutan dan permasalahan peribadi. Dalam akhbar itu juga turut memuatkan Statistik Kes Keganasan Rumahtangga bagi Tahun 2012-2013: (Suryati, 2014).

**Jadual 1.1** : Statistik Kes Keganasan Rumahtangga bagi Tahun 2012-2013

| KONTINJEN | 2012 | 2013 |
|---|---|---|
| **PERLIS** | 73 | 91 |
| **KEDAH** | 144 | 288 |
| **PULAU PINANG** | 184 | 240 |
| **PERAK** | 265 | 344 |
| **SELANGOR** | 368 | 512 |
| **KUALA LUMPUR** | 222 | 243 |
| **NEGERI SEMBILAN** | 270 | 502 |
| **MELAKA** | 71 | 95 |
| **JOHOR** | 264 | 583 |
| **PAHANG** | 183 | 165 |
| **TERENGGANU** | 111 | 178 |
| **KELANTAN** | 293 | 413 |
| **SABAH** | 180 | 231 |
| **SERAWAK** | 236 | 237 |
| **JUMLAH** | **2864** | **4123** |

Dalam kes lain yang berlaku di Kuala Lumpur, melibatkan seorang isteri yang berusia 25 tahun, mati didera dan dipukul suaminya yang merupakan seorang penagih dadah syabu. Mangsa ditemui mati dengan dipenuhi kesan lebam di muka. Hasil bedah siasat mendapati mangsa terbunuh bukan kerana dipukul pada hari kejadian, tetapi kesan daripada penderaan yang berulang-ulang kali sebelum ini

(Norhidayu, 2014). Keperluan untuk memberi kefahaman terhadap isteri-isteri yang didera atau dipukul suami tentang tuntutan fasakh di Mahkamah amat penting bagi mengelakkan kecederaan fizikal dan mental yang berpanjangan atau kehilangan nyawa.

Kejadian lain di Gombak, seorang suami bertindak ganas dengan menghentak kepala isterinya dengan lesung batu, menumbuk muka dan membelasah isterinya berkali-kali tanpa henti, berikutan gagal mengawal kemarahan apabila ditanya mengenainya yang bermain kayu tiga serta mempersoalkan wang yang berjumlah RM11,000 (MyMetro, 12 Disember 2014). Dalam akhbar Sinar Harian, satu kes di Kota Bharu, seorang suami telah dijatuhkan hukuman penjara 7 bulan berikutan tindakannya yang agresif memukul isteri dengan menggunakan raket elektrik pembunuh nyamuk, botol penyembur serangga dan soket penyambung sehingga menyebabkan isterinya cedera dan kesakitan (Adila Sharinni, 2015).

Berdasarkan fakta-fakta tersebut, sudah cukup mensabitkan ketidakadilan terhadap wanita sedang berlaku dalam masyarakat. Peningkatan kes perceraian yang tinggi boleh dianggap bahawa wanita kini berusaha mendapatkan hak mereka dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), statistik penceraian pada tahun 2009 ialah satu penceraian pada setiap 15 minit. Melalui statistik tersebut, kita dapat menilai bahawa institusi kekeluargaan semakin hari semakin membimbangkan. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim, berkata:

> *"Jumlah itu meningkat setiap tahun kerana kurangnya penghayatan agama di kalangan suami isteri, termasuk mengabaikan solat"* (Berita Harian, 3 Mac 2011).

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memberi gambaran mengenai keruntuhan institusi keluarga Islam di Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan, dengan mencatatkan sejumlah 28,035 pasangan yang bercerai pada tahun 2010. Ini bermakna, purata kes perceraian mengikut statistik yang berdaftar adalah 77 kes sehari atau tiga kes setiap satu jam, berbanding 135,548

pasangan yang berkahwin pada tahun 2010. Angka tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak 144 kes berbanding sepanjang tahun 2009 yang mencatatkan sebanyak 27,891 pasangan yang bercerai (Kosmo Online, 19 Oktober 2011).

Berdasarkan kajian Prof. Madya Datin Noor Aziah Mohd Awal, Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM), purata statistik perceraian yang dilaporkan pada tahun 2011 berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), tiga kes perceraian pasangan Muslim setiap satu jam, 70 kes penceraian setiap hari, 2000 kes sebulan dan 25,000 kes setahun di seluruh negara (Utusan Online, 9 Ogos 2013).

Menurut Datuk Seri Rohani Abd Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dalam Astro Awani pada 9 November 2013, menyatakan bahawa statistik perceraian pasangan Islam dari bulan Januari sehingga Jun 2013 mencatatkan sebanyak 22,162 kes dan jumlah pasangan bercerai pada tahun 2012 adalah sebanyak 47,779 kes. Kadar penceraian yang tinggi adalah berpunca daripada tiada persefahaman dan sikap tidak bertanggungjawab (Tan Su Lin, 2013).

Daripada statistik yang diperoleh melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) berkenaan dengan perceraian di Malaysia bermula 1 Januari 2010 sehingga 14 Mei 2014 sahaja, penyelidik telah membahagikannya kepada tiga bahagian, iaitu:

**Jadual 1.2** : Statistik Kes Permohonan Perceraian Seluruh Negara bagi Tahun 2010 – Mei 2014 (JKSM)

| Negeri / Tahun | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Johor** | 1806 | 2008 | 2225 | 2315 | 1031 |
| **Kedah** | 635 | 812 | 1404 | 1500 | 675 |
| **Kelantan** | 2576 | 2701 | 2780 | 2680 | 1062 |
| **Melaka** | 572 | 498 | 663 | 766 | 283 |
| **Negeri Sembilan** | 703 | 688 | 764 | 992 | 393 |
| **Pahang** | 1579 | 1636 | 1831 | 1916 | 805 |
| **Perak** | 1174 | 1267 | 1440 | 1509 | 603 |
| **Perlis** | 247 | 258 | 215 | 180 | 102 |
| **Pulau Pinang** | 943 | 1001 | 1025 | 1110 | 437 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Sabah** | 998 | 1037 | 1205 | 1289 | 506 |
| **Sarawak** | 737 | 933 | 1106 | 990 | 340 |
| **Selangor** | 3520 | 3724 | 3987 | 4591 | 1729 |
| **Terengganu** | 1452 | 1541 | 1353 | 1238 | 505 |
| **Wilayah Persekutuan** | 1614 | 1611 | 1670 | 1757 | 733 |
| **MALAYSIA** | 18556 | 19715 | 21668 | 22833 | 9204 |

Berdasarkan statistik berikut, purata peningkatan jumlah kes dari tahun 2010 sehingga tahun 2013 adalah sebanyak 1,000 kes dan rekod terkini yang diperoleh pada Mei 2014 mencatatkan 9,204 kes direkodkan hanya dalam tempoh lima bulan sahaja.

**Jadual 1.3 :** Statistik Kes Tuntutan Fasakh Seluruh Negara bagi Tahun 2010 – Mei 2014 (JKSM)

| Negeri / Tahun | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Johor** | 662 | 652 | 844 | 698 | 271 |
| **Kedah** | 261 | 262 | 335 | 380 | 177 |
| **Kelantan** | 43 | 49 | 50 | 76 | 36 |
| **Melaka** | 191 | 208 | 222 | 170 | 85 |
| **Negeri Sembilan** | 666 | 729 | 649 | 509 | 174 |
| **Pahang** | 268 | 278 | 284 | 300 | 120 |
| **Perak** | 485 | 247 | 318 | 359 | 166 |
| **Perlis** | 226 | 174 | 201 | 203 | 66 |
| **Pulau Pinang** | 143 | 168 | 202 | 154 | 107 |
| **Sabah** | 920 | 902 | 953 | 952 | 414 |
| **Sarawak** | 174 | 230 | 234 | 305 | 88 |
| **Selangor** | 1051 | 1257 | 1467 | 1433 | 670 |
| **Terengganu** | 323 | 369 | 456 | 419 | 141 |
| **Wilayah Persekutuan** | 546 | 503 | 476 | 595 | 194 |
| **MALAYSIA** | 5959 | 6028 | 6691 | 6553 | 2709 |

Bacaan daripada statistik kes tuntutan fasakh adalah fokus dalam kajian ini. Statistik tersebut menunjukkan kes tuntutan fasakh adalah jenis kod kes yang paling

banyak berlaku di Malaysia, jika hendak dibandingkan dengan perceraian khuluk dan cerai taklik. Tetapi, jumlah kes setiap tahun tidak mengalami peningkatan dan penurunan yang drastik, sebagaimana tahun 2011, 2012 dan 2013 merekodkan jumlah kes pada angka yang tidak begitu ketara. Atas faktor inilah, pembubaran perkahwinan secara fasakh dipilih sebagai fokus utama kajian.

**Jadual 1.4** : Statistik Kes Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai Seluruh Negara bagi Tahun 2010 – Mei 2014 (JKSM)

| Negeri / Tahun | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| Johor | 1641 | 1709 | 1929 | 2018 | 748 |
| Kedah | 731 | 805 | 1470 | 1412 | 663 |
| Kelantan | 885 | 994 | 979 | 924 | 408 |
| Melaka | 514 | 552 | 596 | 588 | 221 |
| Negeri Sembilan | 828 | 818 | 816 | 862 | 337 |
| Pahang | 1028 | 1047 | 1038 | 1159 | 419 |
| Perak | 833 | 877 | 949 | 1041 | 388 |
| Perlis | 174 | 266 | 258 | 255 | 110 |
| Pulau Pinang | 744 | 710 | 713 | 755 | 283 |
| Sabah | 670 | 703 | 784 | 826 | 373 |
| Sarawak | 513 | 607 | 721 | 762 | 226 |
| Selangor | 3400 | 3297 | 3552 | 3856 | 1514 |
| Terengganu | 1064 | 1153 | 1225 | 1191 | 524 |
| Wilayah Persekutuan | 1087 | 1143 | 1089 | 1176 | 474 |
| MALAYSIA | 14112 | 14681 | 16119 | 16825 | 6688 |

Menurut statistik kes tuntutan lafaz cerai, jumlah angka kes bagi seluruh negara berlaku peningkatan setiap tahun, dan ianya cukup membimbangkan. Sehingga Mei 2014, Selangor adalah negeri yang paling tinggi membuat tuntutan lafaz cerai dengan jumlah 6,888 kes dalam tempoh lima bulan.

Melalui statistik-statistik berikut, jelaslah kes-kes penceraian sentiasa berlaku peningkatan dari semasa ke semasa. Ianya juga disokong melalui fakta-fakta yang diperoleh daripada kajian-kajian lepas berdasarkan sumber-sumber yang boleh dipercayai. Peningkatan kes cerai yang tinggi tidak bermakna hak wanita terpelihara.

Ini kerana masih ada kes-kes tertangguh di Mahkamah Syariah yang melibatkan kes-kes perceraian yang dibawa oleh wanita (Mohd Shahid Talib, 2012).

Sisters in Islam (SIS) telah menyenaraikan beberapa faktor berkenaan kelewatan wanita mendapatkan perceraian di Mahkamah Syariah, antaranya ialah ketidakseragaman pelaksanaan prosedur perceraian, hak wanita meminta cerai sering dinafikan, wujud kes tertangguh tanpa sebab yang munasabah, sikap bias gender dalam kalangan kakitangan Mahkamah, peguam syari'e yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan, serta paksaan menghadiri sesi kaunseling Pejabat Agama walaupun suami telah diketahui akan keganasan dan merupakan seorang banduan yang bermasalah (Laman Web Rasmi Sisters in Islam, 2001). Kenyataan ini dapat disokong melalui pernyataan Mufti Terengganu. Pentadbiran kehakiman syariah dan beberapa undang-undang di negeri-negeri Semenanjung yang tidak seragam telah mengakibatkan banyak kes perceraian gagal diselesaikan, sehingga ada yang melebihi 10 tahun. Menurut Datuk Ismail Yahya, Mufti Terengganu, pihak berkuasa negeri bertanggung jawab dalam perlaksanaan undang-undang syariah, walaupun wujud undang-undang yang telah diselaraskan. Undang-undang syariah adalah milik negeri masing-masing (Utusan Online, 7 Januari 2007).

Melalui Jurnal Undang-undang dan Masyarakat (2008) 144-174, *Fenomena Gangguan Seksual Terhadap Pekerja Wanita dalam Organisasi: Suatu Implikasi dalam Perundangan Malaysia* yang ditulis oleh Rohani Abdul Rahim, menyatakan bahawa undang-undang yang digubal pada asalnya adalah adil dan bersifat neutral, tetapi penggunaan secara umum tanpa melihat kepada latar belakang kes dan konteks perundangan, mampu mengakibatkan diskriminasi terhadap wanita. Undang-undang yang dikenalpasti adanya unsur-unsur diskriminasi perlu dipinda dan disemak semula oleh penggubal undang-undang. Masyarakat yang berasaskan gender tidak mungkin mampu dilindungi jika undang-undang tidak berasaskan gender dan bersifat patriarki. Pada mata kasar, golongan wanita dilihat mendapat perlindungan, tetapi pada hakikatnya masih dianggap golongan kelas kedua. Keadaan ini berlaku kerana kerajaan menggunakan undang-undang Barat, dan pengubah suaiannya sangat sedikit kerana bertentangan dengan adat resam dan agama.

Menurut Sister in Islam (SIS), berkenaan dengan kes perceraian, terdapat banyak masalah yang melibatkan proses permohonan cerai, termasuklah berkenaan dengan perceraian fasakh. Berdasarkan kajian yang dilakukan, sesi kaunseling yang diadakan tidak berkesan, isteri diminta untuk bersabar, dan hanya keperluan suami dipenuhi. Proses perbicaraan pula merumitkan sehingga memakan masa yang lama. Pihak mahkamah pula lebih memberatkan keterangan suami berbanding isteri, dan berlakunya penganiayaan terhadap isteri yang dikenakan tuduhan nusyuz. Selain itu, dikatakan bahawa kes yang tertangguh juga agak lama dan pihak mahkamah melebihkan lelaki daripada wanita, iaitu dari segi peluang dan masa. Biro Bantuan Guaman juga tidak memberikan kerjasama yang sewajarnya dalam kes yang dikendalikan. Kenyataan Sisters in Islam ini di ambil daripada memorandum *Pembaharuan Proses Perceraian dan Tuntutan Sampingan Dalam Prosiding Mahkamah Syariah* yang dikeluarkan oleh Sisters In Islam (SIS) (Laman Web Rasmi Sisters In Islam, 2013). Tempoh masa yang paling minimum dalam tuntutan fasakh dikatakan selama enam bulan (Siti Shamsiah, 2009).

Yang Berhormat (YB) Siti Zailah berkata dalam wawancara bersamanya, satu sistem sokongan yang mesra gender merupakan satu keperluan bagi golongan wanita. Kes perceraian yang lama tertangguh adalah satu penderaan dan ketidakadilan terhadap wanita. Antara isu-isu kekeluargaan yang timbul adalah berkenaan dengan krisis rumah tangga, tekanan hidup, dan suami yang tidak bertanggung jawab. Ada juga kes-kes yang digantung tidak bertali yang memakan masa selama bertahun-tahun. Maka, menjadi satu keperluan untuk menambah baik sistem perundangan dalam mahkamah syariah dalam kadar segera serta dapat mewujudkan sistem yang mesra wanita (Laman Web *Democratic Action Party* (DAP), 2012).

Oleh yang demikian, daripada fakta-fakta dan statistik yang disenaraikan, membuktikan bahawa secara umumnya terdapat kekurangan dan kelemahan pada institusi kekeluargaan, yang membawa kepada pengkajian mengenai pemeliharaan hak wanita dalam urusan perceraian dan hak selepas urusan perceraian, yang pada masa yang sama juga melibatkan pentadbiran di mahkamah.

## 1.3 Pernyataan Masalah

Pemerkasaan wanita di Malaysia telah dipergiatkan hampir keseluruhannya. Menurut bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Musa Hitam, golongan wanita kini telah memperoleh manfaat secara berterusan, terutamanya dalam sektor pendidikan dan kesihatan, sehingga mengatasi kaum lelaki dalam banyak keadaan (Bernama, 28 Januari 2010).

Dalam memorandum *Pembaharuan Proses Perceraian dan Tuntutan Sampingan Dalam Prosiding Mahkamah Syariah* yang dikeluarkan oleh Sisters In Islam (SIS) (Laman Web Rasmi Sisters In Islam, 2013), menyatakan bahawa memorandum berkenaan dikeluarkan bertujuan untuk membawa perubahan yang lebih baik kepada pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam. Ini berlaku ekoran daripada banyaknya kemusykilan daripada pihak wanita sehingga membawa kebimbangan wujudnya *bias gender* terhadap wanita. Isu-isu utama yang dikeluarkan oleh SIS, iaitu melibatkan perceraian, nafkah isteri, mutaah dan harta sepencarian, jagaan, lawatan dan nafkah anak, khidmat guaman dan pembelaan diri, pentadbiran dan proses di Jabatan Agama dan mahkamah, pembaharuan dan kefahaman undang-undang serta kesedaran pada amnya.

Memandangkan isu perceraian meningkat, maka usaha pemeliharaan hak wanita dari sudut institusi kekeluargaan juga perlu diperluaskan, terutamanya hak dalam urusan perceraian dan hak selepas perceraian fasakh. Fokus kajian ini melibatkan kes perceraian secara fasakh sahaja. Jika seseorang isteri itu mengetahui hak-haknya, maka fasakh adalah salah satu jalan keluar daripada penderitaan perkahwinan (Siti Rohani, 28 Ogos 2014). Seseorang isteri yang menderita disebabkan sikap suami kebiasaannya membuat tuntutan fasakh (Siti Shamsiah, 12 Jun 2009; Siti Rohani, 28 Ogos 2014).

Gejala isteri yang digantung tidak bertali telah berleluasa dalam masyarakat kini. Antara isunya adalah melibatkan isteri yang ditinggalkan suami tanpa khabar berita, dalam tempoh yang lama dan tidak diberikan nafkah. Malah, tiada tindakan yang jelas di ambil berkenaan dengan kedudukan atau status perkahwinan tersebut,

gara-gara 'malas' untuk berurusan dengan mahkamah. Sedangkan pembatalan perkahwinan merupakan sesuatu perkara sangat penting, yang membolehkan seseorang wanita itu menuntut hak melalui undang-undang, seperti nafkah iddah, mutaah, tuntutan harta sepencarian, dan hak penjagaan bagi anak-anak yang ditinggalkan suami (Utusan Online, 12 Mac 2015). Bagi wanita yang menghadapi masalah digantung tidak bertali, menjadi keharusan untuk membuat permohonan cerai dari mahkamah melalui tuntutan fasakh (Khairul Anwar, 5 Julai 2010).

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan pandangan peguam syari'e berkaitan dengan konsep pemeliharaan hak wanita melalui pelaksanaan hukum fasakh. Ianya bagi mendapatkan keadilan kepada keseluruhan wanita tanpa berlakunya keciciran. Antara persoalan yang timbul dalam kajian ini adalah berkenaan dengan adakah wujud hubungan antara pelaksanaan hukum fasakh di Mahkamah Syariah dengan pemeliharaan hak wanita di Malaysia?

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan kepada objektif-objektif berikut, iaitu:

**1.4.1** mengkaji pandangan peguam syarie tentang konsep pembubaran perkahwinan secara fasakh menurut perundangan Islam

**1.4.2** mengkaji pandangan peguam syarie tentang konsep pembubaran perkahwinan secara fasakh menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

**1.4.3** menganalisis pandangan peguam syarie tentang pemeliharaan hak wanita dalam pembubaran perkahwinan secara fasakh menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif tersebut, kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan-persoalan berikut:

**1.5.1** Apakah pandangan peguam syarie tentang konsep pembubaran perkahwinan secara fasakh menurut perundangan Islam

**1.5.2** Apakah pandangan peguam syarie tentang konsep pembubaran perkahwinan secara fasakh menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

**1.5.3** Bagaimanakah pandangan peguam syarie tentang pemeliharaan hak wanita dalam pembubaran perkahwinan secara fasakh menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

## 1.6 Kerangka Teori Kajian

Menurut Miles dan Huberman (1994), struktur sesebuah penyelidikan diformulakan sebagai kerangka konsep yang diterangkan dalam bentuk penceritaan, tetapi kebiasaannya dalam bentuk format grafik, faktor-faktor utama, konstruk dan pemboleh ubah yang dikaji serta menganggap ada hubungan di antara tersebut. Hubungan yang benar-benar wujud adalah merupakan salah satu daripada elemen-elemen kajian. Untuk menghasilkan kerangka konsep, ia memaksa penyelidik untuk menentukan apa yang ingin dikaji, dan apa yang perlu ditinggalkan, dan hubungan antara hipotesis dengan pemboleh ubah utama. Ia bukanlah hipotesis dalam erti kata yang positif, tetapi satu cara untuk menyedarkan penyelidik akan kemungkinan hubungan yang wujud dan yang boleh diterokai.

Terdapat banyak model dan kerangka teori yang berkaitan dengan analisis gender. Tetapi, dalam kajian ini, penyelidik telah memilih dua kerangka teori, iaitu daripada Sara Hlupekile Longwe dan Paizah Ismail. Pemilihan dua teori ini adalah berdasarkan kepada kesesuaian kajian yang dijalankan, seterusnya ia menjadi landasan teori kepada penyelidik untuk membina satu kerangka konsep kajian yang bertepatan dengan batasan kajian yang dijalankan. Pada hakikatnya, tiada satupun kerangka teori yang terhasil mencakupi keseluruhan isu.

*Women's Empowerment Framework* merupakan satu kerangka teori yang telah diperkenalkan oleh Sara Hlupekile Longwe, iaitu pakar gender dari Lusaka, Zambia. Secara jelasnya, model ini bersifat politik, ianya adalah bantahan kepada kemiskinan dan kekurangan kuasa wanita. Menurutnya, ianya berlaku akibat daripada penindasan dan eksploitasi ke atas wanita, bukannya disebabkan oleh kekurangan produktiviti. Oleh yang demikian, wanita perlu diberi kuasa untuk menangani permasalahan tersebut. Fokus rangka kerja ini adalah membolehkan seseorang wanita itu mencapai kawalan yang sama dalam pengeluaran dan juga sama pada penglibatan dalam proses pembangunan (Meenai, Z., 2008; Manfre, C. & Rubin, C., 2012; Inclusive WASH, 2015).

*Women's Empowerment Framework* mempunyai lima tahap kesaksamaan, yang terdiri daripada yang tertinggi hingga ke terendah (Longwe, S.H., 1998; Inclusive WASH, 2015; Meenai, Z., 2008; Manfre, C. & Rubin, C., 2012; Ochola, W.O. *et.al.*, 2010; March, C. *et.al.*, 2005), iaitu:

### 1.6.1 Control

Tahap ini merupakan tahap kesaksamaan yang paling tinggi dalam rangka kerja yang diperkenalkan oleh Sara Hlupekile Longwe. Kawalan yang dimaksudkan adalah diberikan kawalan yang sama dalam membuat keputusan (Inclusive WASH, 2015; March, C. *et.al.*, 2005) dan pengeluaran (Manfre, C. & Rubin, C., 2012), iaitu dengan menggunakan penglibatan wanita dalam proses membuat keputusan, bagi mencapai penguasaan atau kawalan yang sama di antara lelaki dan wanita ke atas

faktor pengeluaran, tanpa berlakunya dominasi (Meenai, Z., 2008; Ochola, W.O. *et.al.*, 2010; March, C. *et.al.*, 2005).

### 1.6.2. Participation

Rangka kerja yang kedua tertinggi adalah berkenaan dengan kesaksamaan pada penyertaan atau keterlibatan dalam proses membuat keputusan berkaitan dengan dasar, perancangan dan pentadbiran (Meenai, Z., 2008; Manfre, C. & Rubin, C., 2012; Inclusive WASH, 2015; Ochola, W.O. *et.al.*, 2010; March, C. *et.al.*, 2005). Jika ia melibatkan projek-projek pembangunan, ianya merangkumi penglibatan kepada keperluan dalam penilaian, rekabentuk projek, pelaksanaan dan penilaian (Meenai, Z., 2008).

### 1.6.3. Conscientization

Pada peringkat ini, kesaksamaan yang dituntut adalah capaian kepada pemahaman dalam peranan dan pembahagian kerja dengan lebih adil dan dipersetujui (Inclusive WASH, 2015; March, C. *et.al.*, 2005). Ianya merupakan pemahaman yang mendalam atau pemahaman yang sama berkaitan dengan peranan dan pembahagian kerja mengikut gender (Manfre, C. & Rubin, C., 2012; March, C. *et.al.*, 2005). Dalam erti kata yang lain, ianya adalah tentang pemahaman mengenai perbezaan antara peranan jantina dan gender, serta percaya bahawa hubungan gender dan pembahagian kerja bagi kedua-duanya perlu adil dan harus mendapat persetujuan daripada kedua-dua belah pihak, bukan didominasi oleh satu pihak sahaja (Meenai, Z., 2008). Ianya adalah satu kesedaran bahawa peranan gender adalah budaya dan boleh diubah (Ochola, W.O. *et.al.*, 2010). Proses peringkat kesedaran ini membolehkan seseorang itu melangkah keluar daripada budaya patriarki, dan menerima kesedaran berkenaan dengan feminisme (Longwe, S.H., 1998).

### 1.6.4. Access

Akses adalah tahap kesaksamaan yang merangkumi persamaan dalam akses pengeluaran dengan menolak faktor diskriminasi dalam peruntukan undang-undang (Inclusive WASH, 2015; Manfre, C. & Rubin, C., 2012; March, C. *et.al.*, 2005). Menurut Meenai, Z. (2008), akses wanita yang dimaksudkan antaranya ialah faktor pengeluaran, buruh, kredit, kemudahan pemasaran, dan semua perkhidmatan umum yang ada, serta mendapat faedah yang sama dengan lelaki. Kesaksamaan akses ini diperoleh dengan diberikan peluang yang sama dalam pembaharuan undang-undang, ianya adalah bagi menghapuskan peruntukan yang mendiskriminasikan (Ochola, W.O. *et.al.*, 2010; March, C. *et.al.*, 2005).

### 1.6.5. Welfare

Tahap kesaksamaan yang paling rendah dalam rangka kerja ini adalah berkaitan dengan kebajikan. Wanita diberikan akses yang sama dari segi mendapatkan kebajikan material dan kebaikan seperti makanan, pendapatan, dan rawatan perubatan (Inclusive WASH, 2015; Manfre, C. & Rubin, C., 2012; Ochola, W.O. *et.al.*, 2010; March, C. *et.al.*, 2005). Kebajikan material wanita, berbanding lelaki, berkaitan dengan bekalan makanan, pendapatan dan rawatan perubatan, tidak perlu merujuk sama ada wanita itu sendiri yang menjadi pengeluar kepada keperluan material mereka ataupun tidak (Meenai, Z., 2008).

Secara umumnya, *Women's Empowerment Framework* dibangunkan bertujuan untuk membantu pihak yang bertanggungjawab mengenal pasti makna dan aplikasi pada persamaan dan pemerkasaan wanita. Di samping itu, ianya bertujuan untuk melihat hubungan antara kesan campur tangan pembangunan ini dalam menyokong pemerkasaan yang lebih besar (Inclusive WASH, 2015; SEAPAT, 2015). Kerangka kerja ini turut dibezakan kepada dua bahagian, iaitu isu-isu wanita (*women's issues*) dan perihal wanita (*women's concerns*). Isu-isu wanita (*women's issues*) adalah mengenai persamaan dengan lelaki dalam setiap bidang sosial atau ekonomi dan melibatkan setiap peringkat kesaksamaan. Manakala, perihal wanita

(*women's concerns*) pula adalah berkaitan dengan wanita tradisional dan bawahan, dan tanggapan stereotaip ke atas peranan jantina (Meenai, Z., 2008).




**Rajah 1.1** Kerangka Konsep Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1, penyelidik telah memilih lima elemen utama dalam kajian ini. Elemen tersebut adalah ***Control***, ***Participation***, ***Conscientization***, ***Access***, dan ***Welfare***. Kelima-lima elemen kesaksamaan ini merupakan satu kerangka yang digunakan oleh penyelidik untuk menganalisis kajian, sama ada wujud perkaitan atau menepati elemen-elemen tersebut.

Dalam elemen ***Control,*** penyelidik cuba mewujudkan perkaitan antara hak wanita dengan fasakh, iaitu wanita diberikan hak yang sama dalam membuat keputusan. Talak merupakan kuasa lelaki, dan fasakh adalah keutamaan dan kuasa perempuan. Tetapi kini seolah-olah telah berubah, kerana telah terkeluar daripada konsep yang sebenar. Elemen ini merupakan kesaksamaan yang paling tinggi dalam membuat keputusan.

Elemen yang kedua, iaitu ***Participation***, iaitu ia menjadi ukuran kepada keterlibatan dalam membuat keputusan, khususnya dalam sesebuah keluarga. Hak seseorang isteri dalam keluarga memerlukan keterlibatan yang sama dengan suami, termasuk juga hak dalam urusan perceraian. Seterusnya, bagi elemen ketiga, ***Conscientization*** adalah perkaitan antara Islam melihat kuasa Talak pada lelaki, dan fasakh pada wanita. Tetapi kini, untuk menuntut fasakh, perlu melalui sistem kehakiman.

Elemen yang keempat, ***Access.*** Elemen ini menilai peluang capaian seseorang wanita dalam membuat keputusan tanpa wujudnya diskriminasi antara lelaki dan perempuan. Akhir sekali, elemen ***Welfare***. Dalam elemen ini, wanita mempunya hak, emosi dan kebajikan. Nabi s.a.w. mengutamakan kebajikan isteri, sehingga isteri diberi kuasa untuk membuat keputusan.

Paizah Ismail (2010), telah menggariskan kedudukan wanita dalam Undang – undang Keluarga Islam di Malaysia, dengan menggunakan rujukan khusus kepada Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor Darul Ehsan 1984. Dalam penulisannya, terdapat empat hak-hak wanita dalam Undang-undang, iaitu hak dalam urusan perkahwinan, hak sebagai isteri, hak dalam urusan perceraian, dan hak sesudah berlakunya perceraian. Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada dua bahagian sahaja, iaitu hak dalam urusan perceraian, dan hak sesudah berlaku perceraian. Tetapi, juga mengambil kira hak mendapatkan nafkah sahaja, yang terkandung dalam pembahagian hak sebagai isteri.

Hak dalam urusan perceraian telah diperincikan kepada lapan perkara, iaitu hak untuk bercerai, hak untuk tidak diceraikan oleh suami sewenang-wenangnya, hak

menentukan pendirian bersetuju aau tidak untuk bercerai, hak untuk bercerai secara tebus talak, hak untuk bercerai berasaskan taklik, hak bersetuju atau tidak untuk dirujuk, hak mendapat perintah untuk membubarkan perkahwinan, dan hak meminta mahkamah mengeluarkan perintah kematian suami. Seterusnya, bagi hak sesudah berlaku perceraian, dibahagikan kepada lima perkara, iaitu hak mendapatkan bayaran mutaah, hak mendapatkan harta sepencarian, hak mendapatkan nafkah semasa iddah, hak tinggal di kediaman suami setelah bercerai dan tamat iddah, dan hak keutamaan hadhanah (*Ibid*, 2010). Berdasarkan kepada perincian berikut, penyelidik hanya memfokuskan kepada perkara-perkara yang melibatkan pembubaran perkahwinan secara fasakh sahaja.

Oleh yang demikian, kelima-lima konstruk Sara Hlupekile Longwe di integrasikan ke dalam kerangka Paizah Ismail. Setelah kedua-duanya digabungkan, maka kita akan melihat kepada perkaitan adakah wujud pemeliharaan hak wanita dalam pembubaran perkahwinan secara fasakh.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian ini dijalankan adalah sebagaimana berikut:

### 1.7.1 Dewan Undangan Negeri (DUN)

Kajian ini dapat memberi impak terhadap kefahaman yang jelas dalam agenda pemerkasaan wanita Malaysia. Selaku penggubal perundangan dan dasar negeri, Dewan Undangan Negeri (DUN) berperanan besar dalam meluluskan undang-undang di Malaysia yang dipanggil Enakmen. Di dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan (2014), DUN berkuasa dalam menggubal undang-undang yang disenaraikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Menurut Seksyen 76 iaitu *Kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang bagi Negeri-Negeri dalam hal-hal tertentu,* perenggan (c) Fasal 1:

*"(1) Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri, tetapi hanya seperti yang berikut sahaja, iaitu: (c) jika diminta sedemikian oleh Dewan Undangan mana-mana Negeri".*

Bukan itu sahaja, DUN juga berperanan sebagai pengantara bagi suara rakyat kepada kerajaan (Laman web rasmi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, 2017). Rakyat boleh menyampaikan pandangan melalui perhimpuan, atau persatuan, sebagaimana diperakui dalam Perlembagaan Persekutuan (2014), Seksyen 10 iaitu *Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan*. Oleh itu, kajian ini berperanan dalam membantu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk memantau permasalahan yang berlaku dalam masyarakat khususnya berkaitan pemeliharaan hak wanita dan seterusnya membawa kepada penggubalan undang-undang yang mesra rakyat.

### 1.7.2 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Pemahaman masyarakat mengenai bidang kuasa mahkamah menjadi suatu keperluan dan cabaran bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Disebabkan pemahaman inilah, masyarakat akan membawa masalah mereka untuk dihadapkan ke mahkamah. Dengan berbuat demikian, mereka mengharapkan keadilan dari Mahkamah Syariah untuk membantu mereka dalam penuntutan hak, hukuman terhadap pengabaian tanggungjawab dan hukuman terhadap pihak-pihak yang bersalah. Mahkamah Syariah berkuasa untuk menjalankan peraturan dan peruntukan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam bagi setiap negeri dan daerah meliputi kes-kes perkahwinan, perceraian, kekeluargaan dan harta pusaka. Contohnya, mahkamah menjadi tempat rayuan bagi isteri untuk mendapatkan nafkah setelah bercerai. Za'aba Abu Bakar (2007), dalam sesi wawancara bersama Ketua Pengarah dan Ketua Hakim Syarie JKSM, telah menyenaraikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang dijalankan oleh JKSM adalah pelaksanaan kaedah Sulh, projek E-Syariah, penerbitan Arahan Amalan, Jurnal Hukum, Adabul Qadhi, memperolehi piawaian ISO, melaksanakan *Key Performance Indicator*, mewujudkan

kumpulan tenaga kerja profesional syariah menerusi Skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah, dan pembinaan model bangunan Mahkamah Syariah yang argonomik.

Maka, kajian sebegini diharapkan sedikit sebanyak membantu masyarakat Islam di Malaysia dalam memahami bidang kuasa Mahkamah Syariah, dan seterusnya memberi penjelasan kepada pihak-pihak tertentu yang meragui keadilan Undang-undang Keluarga Islam terhadap golongan wanita, khususnya dalam isu perceraian. Antara prinsip undang-undang ialah pengiktirafan masyarakat. Jika masyarakat telah memberikan harapan dan kepercayaan, maka disitulah wujudnya pengiktirafan.

### 1.7.3 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Objektif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terbahagi kepada tiga perkara yang utama (Laman web rasmi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), 2013):

i. Memastikan tidak wujudnya sebarang bentuk diskriminasi terhadap wanita Islam melalui peranan advokasinya dalam mempengaruhi penggubalan dasar, perundangan dan peraturan-peraturan di negara ini.
ii. Menghalusi implikasi pelaksanaan dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut terhadap hak-hak, pembangunan dan kebajikan wanita Islam.
iii. Meningkatkan pemerkasaan wanita Islam melalui inisiatif dan program-program mengenai perkara yang berkaitan dengan hak-hak, akses dan peluang pembangunan diri serta keluarga di semua peringkat dan dalam pelbagai bidang.

Agenda penubuhan Sekretariat Pembelaan dan Pemerkasaan Wanita Islam (SENADA) telah membuka banyak ruang dan peluang bagi wanita menerusi pendidikan dan juga latihan. Menurut Datin Seri Rosmah Mansor dalam akhbar kosmo bertarikh 30 Julai 2011 :

> *"Menerusi pemerkasaan itu, wanita mempunyai kawalan yang lebih baik ke atas kehidupan mereka, keupayaan untuk membuat pilihan dan mengambil tindakan, melakukan perubahan dengan penuh yakin dan memenuhi potensi mereka sebagai anggota masyarakat yang produktif. Apa yang paling penting ialah ia menyediakan peluang peningkatan sosio ekonomi dan pergerakan kepada mereka".*

Kajian ini bertepatan dengan keperluan semasa dan keadaan di seluruh dunia, khususnya di Malaysia. Hasil penyelidikan ini amat penting kepada Negara selaras dengan hasrat murni kerajaan bagi melahirkan lebih ramai wanita Muslim yang professional, berdaya saing, cekal dan kuat. Selain itu juga, kajian ini bertujuan untuk menghalusi dan menilai semula dasar pemerkasaan wanita yang sedang diperkembangkan oleh kerajaan Malaysia. Ianya bagi menselarikan pengamalan Islam dalam segenap aspek kehidupan, termasuklah juga dalam agenda pemeliharaan hak wanita dalam isu perceraian fasakh.

### 1.7.4 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Kajian ini dapat memberi nilai tambah kepada pelbagai pihak, antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Hal ini demikian kerana JAKIM berperanan sebagai agensi pusat dalam perancangan pengurusan Hal Ehwal Islam dan pembangunan ummah yang bertindak sebagai pengumpul, penyebar dan menjadi pusat rujukan berkenaan hal ehwal Islam. Bukan itu sahaja, JAKIM terlibat dalam penggubalan dan penyeragaman undang-undang dan peraturan, beserta dengan penilaian dan penyelarasan undang-undang dan pentadbiran yang sedia ada, bagi menyelesaikan permasalahan ummat dari semasa ke semasa. Wanita memberi

pengaruh yang sangat besar kepada negara sama ada dari segi pendidikan, ekonomi, sosial mahupun pentadbiran. Justeru itu, dengan bantuan dan kerjasama daripada pihak JAKIM, kajian ini dapat mengembangkan lagi ilmu fiqh wanita yang sedia ada untuk difahami dan diaplikasikan di Malaysia.

Selain itu, kajian ini adalah satu usaha untuk membaik pulih agenda pemerkasaan wanita bagi mengembalikan pengamalan Islam secara keseluruhannya. Penyelidik juga berharap kajian ini dapat memberi kesedaran kepada seluruh wanita, individu dan masyarakat, jua kepada negara, bahawa Islam memelihara hak wanita termasuk perkara yang melibatkan isu perceraian. Pada masa yang sama, kajian ini adalah salah satu usaha untuk disumbang kepada ummah. Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan, kajian ini juga turut menyediakan panduan dan rujukan kepada penyelidikan yang lebih komprehensif pada masa akan datang.

## 1.8 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah membataskan kajian kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan objektif kajian sahaja. Kajian ini hanya melibatkan pemeliharaan hak wanita melalui perceraian fasakh, dan memfokuskan pelaksanaan fasakh kepada negeri Selangor sahaja, iaitu Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Metodologi kajian ini berbentuk kajian kualitatif, dengan menggunakan instrumen analisis dokumen dan temubual sebagai kaedah pengumpulan data. Manakala, responden yang terlibat adalah peguam Syar'ie yang beramal di Selangor sahaja.

## 1.9 Definisi Konseptual / Operasional Kajian

Istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini dihuraikan bagi memahami penggunaan kata yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini, iaitu:

### 1.9.1 Peguam Syarie

Peguam adalah pengamal profesional yang secara langsung terlibat dengan undang-undang (Mohd. Khuzairi, 2010), individu yang menjadi wakil kepada pihak-pihak tertentu di mahkamah, dan berperanan secara langsung dalam membantu mahkamah dalam perbicaraan kes berdasarkan kepada prinsip keadilan (Ain Mawaddah, 2015). Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003, dalam Seksyen 80, *Peguam Syarie:*

" ***80.*** *(1) Tertakluk kepada subseksyen (2),(3) dan (4), Majlis boleh menerima mana mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Hukum Syarak menjadi Peguam Syarie bagi mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di dalam Mahkamah Syariah."*

Peguam syarie yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah peguam syarie yang beramal di Negeri Selangor sahaja.

### 1.9.2 Hak

Islam tidak membezakan antara lelaki dan wanita dalam perhubungan dengan Allah S.W.T. sama ada dari segi tugas, hak, kewajipan, dan ganjaran (Siti Rabi'ah, 1999). Kajian ini berkenaan dengan pemeliharaan hak wanita, *bias gender*, dan kedudukan hak wanita dalam Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor melalui Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

### 1.9.3 Wanita

Wanita merupakan pelopor kepada belas ihsan dan kasih sayang. (Bediuzzaman Said Nursi, 2012). Di dalam al-Quran, wanita disebut *al-Nisa'*, *al-Untsa*, dan *al-Mar'ah* yang bermaksud wanita atau perempuan. (Paizah Ismail,

2010). Dalam kajian ini, wanita yang dimaksudkan adalah wanita secara umumnya, dan di spesifikkan kepada wanita yang terlibat dengan perceraian.

### 1.9.4 Pembubaran Perkahwinan

*Faraq* ialah pembubaran perkahwinan disebabkan perkahwinan yang tidak sah mengikut syarak, yang dilakukan oleh pihak berkuasa hakim Mahkamah Syariah. (Suzana Ghazali, 2009). Pembubaran perkahwinan merangkumi khuluk, taklik, fasakh (Raihanah, t.t.; Suzana Ghazali, 2009), pertukaran agama (Nik Noriani Nik Badli Shah, 2002; Suzana Ghazali, 2009; Zaini Nasohah, 2002), li'an, ila', dan zihar (Sulaiman Endut, 2001). Dalam kajian ini, pembubaran perkahwinan merujuk kepada perceraian secara fasakh.

### 1.9.5 Fasakh

Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, menyatakan bahawa "*seseorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana berkenaan, berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan yang telah termaktub dalam enakmen tersebut*". Manakala, JAKIM (2008) mendefinisikan fasakh sebagai pembubaran perkahwinan dengan kuasa Mahkamah Syariah dengan sebab yang diharuskan hukum syarak. Nik Noraini (2012) juga memberikan maksud yang sama, iaitu pembubaran atau pembatalan perkahwinan melalui perintah kehakiman atau tindakan mahkamah. Dalam kajian ini, pembubaran perkahwinan secara fasakh merujuk kepada golongan wanita yang bercerai secara fasakh, iaitu pembubaran perkahwinan dengan kuasa Mahkamah Syariah Selangor.

## 1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, penyelidikan ini sangat penting dan perlu berikutan lambakan agenda pemerkasaan wanita yang sedang giat dijalankan. Dengan mengambil kira Islam sebagai garis panduan, kajian ini diharapkan dapat menjadi suatu rujukan penting kepada segenap masyarakat, khususnya golongan wanita yang terlibat dalam kes-kes perceraian. Bab ini memberi huraian berkenaan dengan latarbelakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan kerangka konsep kajian. Justeru itu, kajian ini dijalankan dengan bermatlamatkan untuk meneroka dan memahami hubungan antara pemeliharaan hak wanita dengan pelaksanaan cerai fasakh.

# BIBLIOGRAFI


'Adil Fathi 'Abdulloh (2005). *Wasiat Rosul S.A.W. Kepada Kaum Wanita*. Terj. Hassan As Sayyari. Solo: Al-Qowam Publishing.

Abdul Azib Hussain (2012). *Manhaj Ilmu Fiqah & Usul Fiqah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Abdurrahman Umairah (2000). *Tokoh-tokoh Yang Diabadikan Al-Quran*. Jakarta: Gema Insani.

Ach. Syaiful A'la (2013). *Dosa-dosa Suami yang Paling Dibenci Allah S.W.T.* Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.

Adila Sharinni Wahid. (2015). *Pukul Isteri Guna Raket Elektrik.* (2015, Feb 16). Sinar Harian. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www.sinarharian.com.my/semasa/pukul-isteri-guna-raket-elektrik-1.361087

Ahmad Hidayat Buang (2001). Keupayaan Wanita untuk Berkontrak di dalam Undang-undang Islam. Dlm. Raihanah Abdullah. *Wanita dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers. Hlm. 16-37.

Ahmad Jalaludin (2015). Budaya Hukum Bias Gender Hakim Pengadilan Agama dalam Perkara Cerai Talak. *MUWAZAH*. Vol. 7, No. 2, Dis 2015.

Ain Mawaddah binti Mohd Adanan. (2015). *Peranan Peguam Syarie dalam Mengendalikan Kes Murtad dalam Kalangan Mualaf: Suatu Penilaian*. Universiti Malaya. Disertasi Sarjana.

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan. (2005). *Anda Berfikir? Bagaimana?*. Selangor: PTS Millenia Sdn Bhd.

Al-Abraasyi, M 'Atiyyah (1998). *Kebangkitan Wanita Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Al-Asyqar, Umar Sulayman et. al. (1996). *Masa'il fi al-fiqh al-muqaran*. 'Amman: Dar al-Nafa'is.

Al-Barudi, Imad Zaki. Penterjemah: Jamaluddin Ibrahim Mydin (2012). *Tafsir Wanita dalam al-Quran*. Selangor: Al-Hidayah Publications.

Ali Shariati (2007). *Jati Diri Wanita Menurut al-Quran & Hadis*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.

Al-Jarullah, 'Abdullah. Penterjemah: M. Abdul Ghoffar (2010). *Hak & Kewajiban Wanita Muslimah: Menurut al-Qur'an dan as-Sunnah*. Jakarta: Pustaka Imam asy-Syafi'i.

Al-Qardhawi, Yusuf (2002) *Wanita Dalam Masyarakat Islam Menurut al-Quran & as-Sunnah*. Terj. Muhammad Baihaqi. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Al-Qardhawi, Yusuf (2006). *Darjat Wanita dalam Islam*. Selangor: Pustaka Ilmi.

Al-Saqier, Sulaiman. Penterjemah: Ahmad Adnan Fadzil (2012). *150 Tip Sayangi Ibu*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

Al-Syarbaini, Muhammad al-Khatib. Penterjemah: H.M. Yusuf Sinaga (2014). *Fikih Munakahat: Mughni al-Muhtaj fi Fiqhi al-Munakahat*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Amir Abdul Mun'im Salim (2004). *30 Larangan Bagi Wanita*. Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

Amran Ali (2014). *Derita Isteri Seorang VIP*. (2014, Mac 28). Sinar Harian. Diakses pada 24 Ogos 2016, daripada http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/derita-isteri-seorang-vip-1.264632

Andik Wahyun Muqoyyidin (2013). Wacana Kesetaraan Gender: Pemikiran Islam Kontemporer Tentang Gerakan Feminisme Islam. *Jurnal al-Ulum*. 13(2), 491-512.

Arksey, H. & Knight, P. (1999). *Interviewing for Social Scientists: An Introductory Resource With Examples*. London, UK: Sage Publications Ltd.

As-Salafiyyah, Ummu Salamah. Penterjemah: M. Abdul Ghoffar (2005). *Dapatkan Hak-Hakmu Wahai Muslimah!*. Bogor: Pustaka Ibnu Katsir.

Asy-Sharkoni, Mukhlas (1999). *Apa Kata Islam tentang Wanita, Harta dan Takhta*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Bazeley, P. (2007). *Qualitative Data Analysis with NVivo*. London: SAGE Publication Ltd.

Bediuzzaman Said Nursi (2012). *Panduan Untuk Para Wanita*. Malaysia: Risale Press.

Berita Harian. (2011). *1 Perceraian Setiap 15 Minit : Mashitah*. (2011, Mac 3). Berita Harian. Diakses pada 2 Julai 2014, daripada http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/1perceraiansetiap15minit_Mashitah/Article/index_html

Bernama. (2010). *Malaysia Terajui Usaha Pemerkasaan Wanita - Musa Hitam*. (2010, Jan 28). Bernama. Diakses pada 26 April 2014, daripada http://web6.bernama.com/bernama//v3/bm/news_lite.php?id=472040

Black, T.R. (1999). *Doing Quantitative Research in the Social Sciences: An Integrated Approach to Research Design, Measurement and Statistics.* London: Sage Publications.

Blaxter, L. et. al. (2006). *How to Research.* 3rd Ed. England: Open University Press.

Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1998). *Qualitative Research in Education: An Introduction to Theory and Methods.* 3rd Ed. Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.

Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan.* Kuala Lumpur: McGraw Hill.

Cohen, L. & Manion, L. (1997). *Research in Education.* 4th Ed. New York: Routledge.

Cozby, P.C. & Bates S.C. (2012). *Methods in Behavioral Research.* 11th Ed.New York: The McGraw-Hill Companies, Inc.

Creswell, J.W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Traditions.* London: Sage.

Dawson, C. (2002). *Practical Research Methods: A User-Friendly Guide To Mastering Research.* United Kingdom: How to Books Limited.

*Democratic Action Party* (DAP). (2012). *Wanita Perlu Diberi Ruang Lebih Besar: Siti Zailah.* (2012, Nov 26). Laman Web Rasmi *Democratic Action Party* (DAP). Diakses pada 20 April 2015, daripada http://www.roketkini.com/2012/11/26/%E2%80%9Cwanita-perlu-diberi-ruang-lebih-besar%E2%80%9D-siti-zailah/

Denzin, N. (1989). *The Research Act: A Theoretical Introduction to Sociological Research Methods.* 3rd Ed. Prentice Hall.

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (2017). *Peranan & Keahlian.* Laman Web Rasmi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Diakses pada 20 Februari 2017, daripada http://dun.penang.gov.my/index.php/profil/peranan-a-fungsi

Dey, I. (1993). *Qualitative Data Analysis: A User-Friendly Guide for Social Scientists.* London & New York: Routledge.

Don Daniyal, et.al. (2012). *Syariat itu Mudah, Kahwin itu Indah.* Selangor: KUISCELL Sdn. Bhd.

Döscher, K. (2013). *Recovery Management in Business-to-Business Markets: Conceptual Dimensions, Relational Consequences and Financial Contributions.* Germany: Springer Gabler.

Douglas, M. (1985). *Risk Acceptability According to the Social Sciences.* New York: Russel Sage Foundation.

Emran Ahmad (2011). *Bangkitlah Selepas Perceraian.* Selangor: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.

*Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.* Diakses pada 27 Oktober 2015, daripada http://www.jakess.gov.my/v4/pdffile/Enakmen%20Syariah/ENAKMEN%20UNDANG-UNDANG%20KELUARGA%20ISLAM%202003.pdf

Farhan Hidayatullah (2013). *Dahsyatnya Godaan Syaitan.* Kuala Lumpur: Darul Taklim.

Flick, U. (1998). *An Introduction to Qualitative Research*. London: Sage.

Fuad Said (1995). *Perceraian Menurut Hukum Islam*. Johor Bahru: Badan Bookstore Sdn. Bhd.

Glaser, B.G. & Strauss, A. (1967). *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Chicago, IL: Aldine.

Gray, D.E. (1988). *Doing Research in the Real World.* London: SAGE Publications.

Guba, E. G. (1978). *Toward A Methodology of Naturalistic Inquiry in Educational Evaluation.* Los Angeles: UCLA Center for the Study of Evaluation.

Guba, E.G. & Lincoln, Y. S. (1985). *Naturalistic Inquiry.* Beverly Hills, CA: Sage.

Hussein Muhammad (2004). *Fiqh Malaysia: Pandangan Ulama Terhadap Wacana Agama dan Gender*. Selangor: Sisters In Islam.

Imtihan asy-Syafi'i (2009). *Tafsir Ayat-ayat Wanita*. Solo: PT Aqwam Media Profetika.

*Inclusive WASH*. (2015). *Gender Analysis Framework.* (2015, Jun 28). *Inclusive WASH*. Diakses pada 28 Jun 2015, daripada http://www.inclusivewash.org.au/_literature_68850/Gender_analysis_frameworks

Intan Keumala Sari (2010). *Akibat Hukum Fasakh Terhadap Isteri dalam Masyarakat Aceh Besar (Studi Kasus di Mahkamah Syar'iyah Jantho.* Diakses pada 26 November 2013, daripada sasarraniry.files.wordpress.com/2010/12/2010-akibat-hukum-fasakh-terhadap-isteri.pdf

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2008). *Memasuki Gerbang Perkahwinan*. Edisi Putrajaya: JAKIM.

Jajat Burhanudin (2002). *Ulama Perempuan Indonesia*. Indonesia: PT Gramedia Pustaka Utama.

Jurnal Hukum. Jld. 10. Bhg I. Hasnah binti Omar *lwn* Zaaba bin Mohamad Amin. 25 Januari 1995.

Jurnal Hukum. Jld. 6. Bhg II. Habsah *lwn.* Ahmad bin Hamid. Ogos 1989.

Jurnal Hukum. Jld. 6. Bhg. I. Rafiah *lwn.* Hassan. September 1988.

Jurnal Hukum. Jld. 6. Bhg. I. Rasnah binti Ariffin *lwn*. Shafri bin Khalid. 12 Disember 2000.

Jurnal Hukum. Jld. 7. Bhg. I. Rosnani bt Hassan Abdullah *lwn*. San Ahmed b. Abu Zarin. Mac 1990.

Khairul Anwar Rahmat (2010). *Jangan Gantung Isteri Tak Bertali*. (2010, Jul 5). MStar. Diakses pada 24 Ogos 2016, daripada http://www.mstar.com.my/artikel/?file=/2010/7/5/mstar_suara_alternatif/20100705183623

Kosmo Online (2011). *77 Kes Cerai Setiap Hari*. (2011, Okt 19). Kosmo Online. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2011&dt=1019&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_05.htm

Kosmo Online (2011). *Pemerkasaan Buka Peluang Untuk Wanita*. (2011, Julai 30). Kosmo Online. Diakses pada 26 April 2014, daripada http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2011&dt=0730&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_04.htm

Kothari, C.R. (2006). *Research Methodology: Methods & Techniques*. Second Edition. New Delhi: New Age International (P) Limited.

KPWKM (2013). *SENADA: Sepintas Lalu*. (2013, Sep 12). Laman Web Rasmi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Diakses pada 20 Mei 2014, daripada http://www.kpwkm.gov.my/senada/sepintas

Lathifah Ibrahim Khadhar (2005). *Ketika Barat Memfitnah Islam*. Jakarta: Gema Insani.

Layth Su'ud Jasim (t.t). *Khidmat Masyarakat: Peranan Wanita di Zaman Rasulullah s.a.w*. Terj. Anwar Fakhri Omar. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (2014). *Perlembagaan Persekutuan (Hingga 10hb Februari 2014)*. Selangor: International Law Books Services.

Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2014). *Perlembagaan Persekutuan*. (Hingga 10hb Februari 2014). Selangor: International Law Book Services.

Litosseliti, L. (2003). *Using Focus Groups in Research*. London, New York: Continuum.

Lofland, J. & Lofland, L. H. (1984). *Analyzing Social Situations*. Belmont, CA: Wadsworth Publishing Company, Inc.

Longwe, S.H. (1998). *Education for Women's Empowerment or Schooling for Women's Subordination?*. Gender & Development. 6:2, 19-26. DOI: 10.1080/741922726.

Manfre, C. & Rubin, C. (2012). *Integrating Gender into Forestry Research: A Guide for CIFOR Scientists and Programme Administrators*. Indonesia: CIFOR.

March, C., Smyth, I. & Mukhopadhyay, M. (2005). *A Guide to Gender-Analysis Frameworks*. United Kingdom: Oxfam.

Mariam Rajwani binti Md Nor (t.t). *Alasan Fasakh Nikah: Paksaan, Gila dan Kanak-kanak: Suatu Kajian Perbandingan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Martin, B. (1983). Science, Theory, and Values in Social Science Research on Poverty: The United States and Britain. *Comparative Social Research*. 6, 353-369.

Md Zawawi Abu Bakar (2012). *Permasalahan Hak Pasangan dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.

Md. Irshad Khan (2012). *Empowerment of Muslim Women*. United Kingdom: Koros Press Limited.

Meenai, Z. (2008). *Participatory Community Work*. India: Ashok Kumar Mittal.

Mek Wok Mahmud (2014). *Hak-hak, Penglibatan dan Tanggungjawab Wanita Islam*. Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia.

Meor Riduwan Meor Ahmad. (2014). *Lelaki Kelar Isteri Dipenjara 8 Tahun*. (2014, Feb 12). My Metro. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www2.hmetro.com.my/articles/Lelakikelaristeridipenjara8tahun/Article/

Miles, M.B. & Huberman, A.M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. 2nd Ed. Thousand Oaks, CA: Sage.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Anuar Ramli (2010). Bias Gender Dalam Masyarakat Muslim: Antara Ajaran Islam Dengan Tradisi Tempatan. *Jurnal Fiqh*. 7, 49-70.

Mohd Anuar Ramli (2012). Analisis Gender Dalam Hukum Islam. *Jurnal Fiqh*. 9, 137-162.

Mohd Azhar Abd Hamid (2012). *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islan Di Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.

Mohd Fadli Ghani (2014). *Takutlah kepada Allah, Hormatilah Wanita*. Selangor: Kemilau Publika Sdn. Bhd.

Mohd Firdaus Ibrahim dan Raja Noraina Raja Rahim. (2011). *Jual Isteri Bayar Kereta*. (2011, Jul 2). My Metro. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www2.hmetro.com.my/articles/Jualisteribayarkereta/Article

Mohd Hafizi & Ahmad Zainul. (2016). *Malaysia Negara Janda dan Duda*. (2016, Jan. 12). Kosmo: Edisi Johor.

Mohd Iskandar Othman. (2013). *Polis Buru Suami Pukul Isteri Dalan Lif.* (2013, Ogos 14). Sinar Harian. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www.sinarharian.com.my/polis-buru-suami-pukul-isteri-dalam-lif-1.192025

Mohd Roslan Mohd Nor (2011). Salah Faham Tentang Kedudukan Wanita Muslim. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor & Nor 'Azzah Kamri. *Wanita Islam:Isu-isu dan Pemerkasaan Hak*. Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia. Hlm. 1-16.

Mohd Saleh Haji Ahmad (2010). *Perkahwinan dan Perceraian dalam Islam*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.

Mohd Shahid Talib (2012). *Wasatiah: Indahnya Hidup Bersederhana*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Mohd. Khuzairi Ismail. (2010). *Sikap Sebenar Majlis Peguam*. (2010, Sep 21). Utusan Online. Diakses pada 16 Ogos 2016, daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0921&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm

MStar. (2010). *Bapa Dipenjara Lima Tahun, Dua Sebatan Kerana Simbah Dua Anak Dengan Asid.* (2010, Dis 1). MStar. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www.mstar.com.my/berita/berita-mahkamah/2010/12/01/bapa-dipenjara-lima-tahun-dua-sebatan-kerana-simbah-dua-anak-dengan-asid/

Muhammad Ariffin Ismail (2012). *Gerakan Feminisme, Persamaan Gender, dan Pemahaman Agama (Bahagian 1)*. Wilayah Persekutuan: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

MyMetro. (2014). *Hentak Kepala Isteri Dengan Lesung Batu.* (2014, Dis 12). MyMetro. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www.hmetro.com.my/node/15600

MyMetro. (2014). *Simbah Isteri Air Panas.* (2014, Sep 27). My Metro. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www2.hmetro.com.my/articles/20140927044731201409270447 31/Article?mutakhir

Naemah binti Hamzah (2015). *Aplikasi Amalan Fiqh Sains Rumah Tangga dan Kerjaya dalam Kalangan Akademik Wanita Cemerlang*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.

Najibah Mohd. Zin (2014). *Situasi Kes Cerai Melalui Fasakh.*Kosmo Online. Diakses pada 21 Februari 2017, daripada http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=1003&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_02.htm

Nasaruddin Umar (1999). *Argumen Kesetaraan Jender: Perspektif al-Quran*. Jakarta: Penerbit PARAMADINA.

Nik Noriani Nik Badli Shah (2002). *Perkahwinan dan Perceraian di bawah Undang-undang Islam*. Selangor: International Law Book Services.

Nor 'Azzah Kamri (2011). Wanita dan Pengurusan Profesional. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor & Nor 'Azzah Kamri. *Wanita Islam:Isu-isu dan Pemerkasaan Hak*. Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia. Hlm. 97-114.

Norhidayu Mohd. Hassan (2014). *Suami Kaki Dadah Dera, Pukul Isteri Hingga Mati.* (2014, Nov 1). Utusan Online. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/suami-kaki-dadah-dera-pukul-isteri-hingga-mati-1.19514

Nurhidayah Muhd Hashim (2006). *Perceraian Secara Fasakh: Konsep dan Amalan di Malaysia*. Universiti Teknologi MARA Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

Nursaleha Mohd. Salleh, Abdul Halim Tamuri dan Salleh Amat (2011). Hak-hak Wanita pada Zaman Rasulullah SAW: Menyingkap Sejarah Serikandi Islam. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor & Nor 'Azzah Kamri. *Wanita Islam:Isu-isu dan Pemerkasaan Hak*. Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia. Hlm. 17-35.

Ochola, W.O., Sanginga, P.C. & Bekalo, I. (2010). *Managing Natural Resources for Development in Africa: A Resource Book*. Kenya: University of Nairobi Press (UONP).

Othman Lebar (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Paizah Ismail (2010). *Wanita:Status Sosial & Undang-undang Islam*. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.

Patton, M. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. CA: Sage.

Peunoh Daly (2003). *Hukum Perkahwinan Islam: Satu Studi Perbandingan Dalam Kalangan Ahlus-Sunnah & Negara-Negara Islam*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Putri Maisarah Tamar (2012). *100 Wasiat Nabi Untuk Wanita*. Johor: Pustaka Azhar.

Raihanah Abdullah & Nurhayati Surbaini (2011). Wanita Islam dan Isu-isu Gender Masa Kini. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor & Nor 'Azzah Kamri. *Wanita Islam:Isu-isu dan Pemerkasaan Hak*. Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia. Hlm. 69-86.

Rohani Abdul Rahim (2008). Fenomena Gangguan Seksual Terhadap Pekerja Wanita dalam Organisasi: Suatu Implikasi dalam Perundangan Malaysia, Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat. 144-174.

Salleh Ismail (2003). *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Sarimah Ismail & Abreza Atan (2011). Aplikasi Pendekatan Penyelesaian Masalah dalam Pengajaran Mata Pelajaran Teknikal dan Vokasional di Fakulti Pendidikan UTM. *Journal of Educational Psychology and Counselling*. Vol. 2, Jun 2011, 113-114. ISSN: 2231-735X.

SEAPAT. (2015). *Annex 6: Conceptual Framework for Gender Analysis and Planning.* (2015, Jun 29). SEAPAT. Diakses pada 29 Jun 2015, daripada http://info.worldbank.org/etools/docs/library/192862/annexes/Annex6.pdf

Shamsuddin Suhor (2011). *Panduan Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 (Akta 164).* Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pusraka.

Shuib Sulaiman (2012). *Indeks Prestasi Keluarga: Menilai Kembali Prestasi Hidup Berkeluarga.* Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Sinar Harian. (2013). *Anak Tumbuk Muka Ibu.* (2013, Mac 5). Sinar Harian. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www.sinarharian.com.my/edisi/terengganu/anak-tumbuk-muka-ibu-1.136660

Sisters in Islam. (2001). *News Item: Kenyataan Akhbar (24 August 2001).* (2001, Ogos 24). Laman Web Rasmi Sisters in Islam. Diakses pada 20 Mei 2015, daripada http://www.sistersinislam.org.my/print.php?news.1056

Sisters in Islam. (2013). *Pembaharuan Proses Perceraian dan Tuntutan Sampingan Dalam Prosiding Mahkamah Syariah.* (2013, Okt 2). Laman Web Rasmi Sisters in Islam. Diakses pada 20 Mei 2015, daripada http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1066.8

Siti Rabi'ah Sarnap (1999). *Wanita Dalam Al-Quran dan As-Sunnah.* Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Siti Rohani Surani (2014). *Berpisahlah Jika Tiada Lagi Damai.* (2014, Ogos 28). Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Diakses pada 24 Ogos 2016, daripada http://ikimfm.my/berpisahlah-jika-tiada-lagi-damai/

Siti Shamsiah Mohd Sufi (2009). *Peranan Hakam Merawat Derita Fasakh.* (2009, Jun 12). Utusan Online. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0612&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm

Siti Uzairiah Mohd Tobi (2013). *Research Methodological Cage: Understanding the Qualitative Viewpoint.* Kuala Lumpur: Aras Publisher.

Sulaiman Endut. (2001). *Ingin Tahu? : Perkahwinan.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Suryati Mohd Nor. (2014). *Keganasan Rumahtangga: Kes Meningkat 1,259 Pada 2013.* (2014, Okt 7). MStar. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www.mstar.com.my/berita/berita-jenayah/2014/10/07/keganasan-rumahtangga/

Suzana Ghazali. (2009). *Buatmu Wanita.* Selangor: Karangkraf.

Syed Mahazir Shariff Ahmad (2011). *Merawat 7 Penyakit Hati.* Johor Bahru: Pustaka Azhar.

Tan Su Lin. (2013). *Mertua, Dadah Antara Punca Kes Cerai Pasangan Islam Tinggi*. (2013, Nov. 9). Astro Awani. Diakses pada 26 April 2015, daripada http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mertua-dadah-antara-punca-kes-cerai-pasangan-islam-tinggi-25271

Tengku Naufal Tengku Mansor (t.t). *Wanita, Keluarga & Undang-undang*. Pembentangan *Power Point. Diakses* pada 20 Februari 2017, daripada http://www.powershow.com/view/3b173dNTY0Y/Wanita_Keluarga_Undang_-_Undang_powerpoint_ppt_presentation

Titik Putraningsih (t.t). *Pertunjukan Tari: Sebuah Kajian Perspektif Gender*. Yogyakarta: Universitas Negeri Yogyakarta.

Tuan Musa Awang (2014). *Wanita dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Seminar Wanita Kebangsaan.

Ukasyah Athibi (1998). *Wanita Mengapa Merosot Akhlaknya*. Jakarta: Gema Insani.

Utusan Online (2002). *Hak Isteri Tuntut Perceraian*. (2002, Feb 24). Utusan Online. Diakses pada 24 Ogos 2016, daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0224&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm

Utusan Online (2007). *Undang-undang Tidak Seragam Punca Kes Cerai Tidak Selesai*. (2007, Jan 7). Utusan Online. Diakses pada 20 Mei 2015, daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0107&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_06.htm

Utusan Online (2013). *3Pasangan Islam Bercerai Setiap Jam di Malaysia*. (2013, Ogos 9). Utusan Online. Diakses pada 20 Mei 2015, daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130809/dn_05/3-pasangan-Islam-bercerai-setiap-jam-di-Malaysia

Utusan Online (2015). *Derita Digantung Tidak Bertali*. (2015, Mac 12). Utusan Online. Diakses pada 24 Ogos 2016, daripada http://www.utusan.com.my/rencana/agama/derita-digantung-tidak-bertali-1.68624

Wan Mahyuddin bin Wan Muhammad (2011). Sejauh manakah Kebenaran Wujudnya Diskriminasi Terhadap Pelaksanaan Undang-undang Keluarga di Malaysia. *Shariah Law Reports Articles, 2, pg. Liii.* No. Dokumen: 4088.

Xiao-Ning Chen (2007). *The Influence of Organizational Culture on Healthcare Delivery: A Qualitative Study of Expatriate Clinics in Public Hospitals in Beijing, China*. Tesis Doktor Falsafah,Capella University, China.

Yeo Kee Jiar & Amir Fakhri Abdul Jamil (2011). Pembangunan Perisian Teknologi Kejuruteraan Unit Teras Perhubungan Elektronik Tingkatan Empat. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*. Vol. 3, Sep 2011, 1-13. ISSN: 2231-7376.

Yin, R.K. (1989). *Case Study Research: Design and Methods*. Applied Social Research Series, Vol. 5. London: Sage.

Yin, R.K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods* (2nd ed). Beverly Hills, CA: Sage Publishing.

Yin, R.K. (2009). *Case Study Research: Design and Methods* (4th ed). Thousand Oaks, CA: Sage.

Za'aba Abu Bakar (2007). *Sesi Wawancara Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM Bersama Wakil Media Utusan Melayu dan The Star: "Peranan JKSM Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam*. Portal Rasmi E-Syariah. Diakses pada 20 Februari 2017, daripada http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20ESyariah%20Arkib/Portal%20ESyariah%20Arkib%202007/April/Portal%20E-Syariah%20Berita%2009042007

Zahazan Mohamed (2011). *Soal Jawab A-Z tentang Munakahat tapi Anda Tiada Tempat untuk Bertanya*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Zaini Muttaqin (2013). *Fasakh Perkahwinan (Studi atas Pandangan Imam asy-Syafi'i Tentang Ketidakmampuan Suami Memberi Nafkah Lahir kepada Istri)*. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta. Tesis Sarjana Strata Satu.

Zaini Nasohah. (2002). *Perceraian: Hak Wanita Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Zainudin Hashim (2008). *Masyarakat Tonggak Kekuatan Ummah*. Kuala Lumpur: Pustaka Yamien Sdn. Bhd.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 155-172.

Zurina Abdul Khalid (2003). *Perceraian: Masalah dan Penyelesaian Menurut Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.